Encl No. 29

H0272101 FA1324063248 03/12/2024 17:56:22
W-01(IM)-456-07/2024
RS0001...................20.00 x 1
Jumlah RM***************************20.00

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA**
**(BIDANG KUASA RAYUAN)**
**RAYUAN SIVIL NO.: W-01(IM)-456-07/2024**

**ANTARA**

**DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HJ ABD RAZAK**
**(NO. K/P: 530723-06-5165)** ...**PERAYU**

**DAN**

1. **MENTERI DALAM NEGERI**
2. **KOMISIONER JENERAL PENJARA**
3. **PEGUAM NEGARA MALAYSIA**
4. **LEMBAGA PENGAMPUNAN BAGI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, LABUAN DAN PUTRAJAYA**
5. **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**
6. **KETUA PENGARAH BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG DI JABATAN PERDANA MENTERI**
7. **KERAJAAN MALAYSIA** ...**RESPONDEN-RESPONDEN**

*[Dalam Mahkamah Tinggi Malaya Di Kuala Lumpur*
*Di Dalam Wilayah Persekutuan Malaysia*
*(Bahagian Rayuan & Kuasa-Kuasa Khas)*
*No Permohonan Untuk Semakan Kehakiman: WA-25-136-04/2024*

*Antara*

*Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj Abd Razak*
*(No. K/P: 530723-06-5165)* ...*Pemohon*

*Dan*

1. *Menteri Dalam Negeri*
2. *Komisioner Jeneral Penjara*
3. *Peguam Negara Malaysia*
4. *Lembaga Pengampunan Bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan Dan Putrajaya*
5. *Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi)*

S/N 8RQvkBkYFEe9wSF8aX3n/w
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document v... portal
CamScanner

6. *Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Di Jabatan Perdana Menteri*
7. *Kerajaan Malaysia* ...*Responden-Responden*

*Yang diputuskan oleh Yang Arif Dato' Amarjeet Singh A/L Serjit Singh yang di Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur pada 3.07.2024]*

---

# AFIDAVIT

---

Saya **MOHAMAD NIZAR BIN MOHD NAJIB** (**NO. K/P: 780511-14-5659**), seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dengan alamat penyampaian di No. 25, Jalan 14/2, Taman Tun Abdul Razak, Ampang 68000, Selangor dengan ini sesungguhnya dan ikhlas mengesahkan dan mengikrarkan seperti yang berikut:-

1. Saya adalah seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/ *State Executive Councillor* ("**EXCO**") bagi Negeri Pahang yang dipertugaskan untuk portfolio Pelaburan, Kemajuan Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi.

2. Saya adalah anak kepada Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abd Razak, Perayu di dalam rayuan ini. Saya telah diberi kuasa sewajarnya dan diberi kuasa penuh untuk mengesahkan afidavit ini untuk dan bagi pihak Perayu.

3. Didalam tugasan rasmi saya, saya kerap bermesyuarat dan/atau bertemu dengan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ("**KDPB Sultan Pahang**"). KDPB Sultan Pahang juga merupakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI ("**YDPA XVI**") pada tempoh 31hb Januari 2019 hingga 30hb Januari 2024.

S/N 8RQvkBkYFEe9wSF8aX3n/w
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document v... portal
CamScanner

4. Saya merujuk kepada perkara Titah Addendum yang menjadi asas permohonan "***Judicial Review***" di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, dan juga perkara didalam Rayuan ini. Untuk melengkapkan kontek isi kandungan afidavit saya ini, saya merujuk kepada kesemua afidavit-afidavit yang difailkan dalam Rayuan kes ini, iaitu **Rekod Rayuan Bahagian B (Kandungan 5).**

5. Pada 4hb Ogos 2024 (Hari Ahad) jam antara 8 malam hingga 9 malam, saya telah berada di Majlis Perasmian Kompleks Kraf Di-raja Tuanku Azizah, Pulau Keladi, Pekan, Pahang di mana perasmian kompleks tersebut telah pun disempurnakan oleh KDPB Sultan Pahang. Diantara dif-dif kenamaan yang hadir di perasmian itu, saya turut hadir sebagai jemputan dan juga sebagai ahli EXCO Negeri Pahang.

6. Pada satu ketika semasa redanya sedikit upacara perasmian tersebut KDPB Sultan Pahang telah pun memberi isyarat dan titah kepada saya untuk membicarakan sesuatu secara peribadi. Saya turut titah Tuanku itu dan KDPB Sultan Pahang titah kepada saya bahawa Baginda Tuanku telah pun membuat keputusan untuk memberikan saya satu salinan Titah Addendum berkenaan yang berada dalam simpanan peribadi Baginda Tuanku. KDPB Sultan Pahang juga terus menitahkan bahawa salinan yang Baginda Tuanku akan berikan kepada saya adalah salinan dari salinan asal yang Baginda Tuanku simpan secara peribadi semenjak 29hb Januari 2024, hari Titah Addendum tersebut dititahkan secara bertulis oleh Baginda Tuanku di akhir-akhir tempoh KDPB Sultan Pahang sebagai YDPA XVI. Baginda Tuanku juga menyampaikan kepada saya bahawa salinan Titah Addendum itu oleh kerana hanya untuk rekod simpanan Baginda Tuanku tidaklah ditandatangani dan di-meteraikan oleh Baginda Tuanku mengikut kelaziman Baginda Tuanku bagi kesemua dokumen-dokumen yang memerlukan tanda tangan Baginda Tuanku. Walaubagaimanapun, Baginda

S/N 8RQvkBkYFEe9wSF8aX3n/w
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document v[...]G portal
CamScanner

Tuanku memberitahu saya bahawa semua kandungannya adalah sama dengan yang rasmi yang Baginda Tuanku telah tandatangan dan yang di-meteraikan yang juga yang diserahkan kepada Responden Ke-4 pada 29hb Januari 2024 di Istana Negara.

7. Pada 17hb Ogos 2024 kira-kira jam 2.40 petang, berikutan dan selari dengan pesanan Baginda Tuanku saya dihubungi oleh Pengelola Bijaya Di-Raja KDPB Sultan Pahang, Dato’ Hj Ahmad Khirrizal Ab Rahman dari Istana Pahang kerana ada pesanan berbentuk satu sampul surat Di-Raja daripada Baginda Tuanku. Saya terus pada hari yang sama berjumpa dengan beliau di Hotel Hyatt Regency Kuantan Resort, Teluk Cempedak, 25050 Kuantan, Pahang dan menerima sampul surat yang didalamnya sedia ada satu salinan Titah Addendum seperti yang diulaskan oleh KDPB Sultan Pahang pada 4hb Ogos 2024.

7a. Berhubung dengan perenggan 7 di atas, saya mengikrarkan bahawa saya telah menerima Titah Addendum daripada Pengelola Bijaya Di-Raja KDPB Sultan Pahang pada 17hb Ogos 2024 dengan arahan tegas supaya tidak menggunakan dokumen tersebut untuk apa-apa tujuan melainkan setelah saya memperoleh kebenaran nyata daripada Baginda Tuanku. Baru-baru ini, saya telah membuat beberapa permohonan untuk mendapatkan kebenaran tersebut bagi tujuan mengemukakan Titah Addendum itu di hadapan Mahkamah Yang Mulia ini bagi rayuan tersebut. Saya mengesahkan bahawa saya telah berjaya memperoleh kebenaran Baginda Tuanku pada 2hb Disember 2024.

8. Dilampirkan bersama afidavit saya ini adalah satu salinan Titah Addendum dan sampul suratnya sekali yang kini ditunjukkan kepada saya dan kemukakan disini dan ditanda sebagai ekshibit “**MNN-1**” dan “**MNN-2**”.

S/N 8RQvkBkYFEe9wSF8aX3n/w
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document v G portal
CamScanner

**OLEH ITU,** saya menyokong rayuan yang telah difailkan disini.

| | |
|---|---|
| Afidavit oleh seorang deponen | ] |
| **MOHAMAD NIZAR BIN MOHD NAJIB** | ] |
| **(NO. K/P: 780511-14-5659),** | ] |
| Diikrarkan pada 0 2 DEC 2024 | ] |
| Di KUALA LUMPUR WILAYAH PERSEKUTUAN | ] |

Di hadapan saya

PESURUHJAYA SUMPAH W 761 NADINUR MOHD SYARIF 16.01.2022 - 31.12.2024 MALAYSIA

..........................................

Pesuruhjaya Sumpah

CHAMBERS TWENTY - FIVE
NO 25, JALAN TUNKU, BUKIT TUNKU
50480 KUALA LUMPUR

**AFIDAVIT** ini telah difailkan oleh **TETUAN SHAFEE & CO.**, peguamcara bagi pihak Perayu yang dinamakan di atas yang mempunyai alamat penyampaian di No. 25, Jalan Tunku, Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur.

[Tel: 03-26948377] [Faks: 03-26947307] [E-mel: shafeeco@shafeeco.com]

S/N 8RQvkBkYFEe9wSF8aX3n/w
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document v... portal
CamScanner

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA**
**(BIDANG KUASA RAYUAN)**
**RAYUAN SIVIL NO.: W-01(IM)-456-07/2024**

**ANTARA**

**DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HJ ABD RAZAK**
**(NO. K/P: 530723-06-5165)** **...PERAYU**

**DAN**

1. **MENTERI DALAM NEGERI**
2. **KOMISIONER JENERAL PENJARA**
3. **PEGUAM NEGARA MALAYSIA**
4. **LEMBAGA PENGAMPUNAN BAGI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, LABUAN DAN PUTRAJAYA**
5. **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**
6. **KETUA PENGARAH BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG DI JABATAN PERDANA MENTERI**
7. **KERAJAAN MALAYSIA** **...RESPONDEN-RESPONDEN**

*[Dalam Mahkamah Tinggi Malaya Di Kuala Lumpur*
*Di Dalam Wilayah Persekutuan Malaysia*
*(Bahagian Rayuan & Kuasa-Kuasa Khas)*
*No Permohonan Untuk Semakan Kehakiman: WA-25-136-04/2024*

*Antara*

*Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj Abd Razak*
*(No. K/P: 530723-06-5165)* *...Pemohon*

*Dan*

1. *Menteri Dalam Negeri*
2. *Komisioner Jeneral Penjara*
3. *Peguam Negara Malaysia*
4. *Lembaga Pengampunan Bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan Dan Putrajaya*
5. *Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi)*

S/N 8RQvkBkYFEe9wSF8aX3n/w
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document v... portal
CamScanner

6. *Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Di Jabatan Perdana Menteri*

7. *Kerajaan Malaysia* ...*Responden-Responden*

*Yang diputuskan oleh Yang Arif Dato' Amarjeet Singh A/L Serjit Singh yang di Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur pada 3.07.2024]*

## SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa dokumen yang berikut adalah Ekshibit bertanda **"MNN-1"** yang dirujuk dalam Afidavit **MOHAMAD NIZAR BIN MOHD NAJIB (NO. K/P: 780511-14-5659)**, yang diikrarkan di hadapan saya pada 0 2 DEC 2024

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 761
HADINUR MOHD SYARIF
16.01.2022 - 31.12.2024
MALAYSIA

..............................
Pesuruhjaya Sumpah

CHAMBERS TWENTY - FIVE
NO 25, JALAN TUNKU, BUKIT TUNKU
50480 KUALA LUMPUR

S/N 8RQvkBkYFEe9wSF8aX3n/w
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document v... portal
CamScanner

**Bismillahirrahma Nirrahim**
**Qaullahul – Haq**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Waraqatul Ikhlas Watah Fatul Akhyar iaitu daripada Beta, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan Seru Sekalian Alam ke Majlis Yang Berbahagia Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh, Peguam Negara Malaysia yang berada pada masa ini di Pejabat Peguam Negara, Putrajaya dengan beberapa selamat dan sejahteranya.

Waba'dah Ehwal, Beta dengan ini menitahkan sebagai tambahan kepada keputusan Beta berhubung Banduan, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (530723-06-5165) pada Mesyuarat Lembaga Pengampunan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan dan Putrajaya kali ke-61 pada hari Isnin, 29 Januari 2024 bersamaan 17 Rejab 1445 Hijrah supaya **Banduan, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (530723-06-5165) menjalani baki hukuman menerusi penahanan dalam rumah (*House Arrest*).**

Demikianlah sahaja Beta maklumkan. Beta dan Raja Permaisuri Agong berdoa kehadrat Allah S.W.T. semoga Yang Berbahagia Datuk, Yang Berbahagia Datin serta rakyat Beta keseluruhannya sentiasa dalam perlindungan serta rahmat-Nya.

Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Termaktub di Istana Negara**
**Jalan Tuanku Abdul Halim**
**50480 KUALA LUMPUR**

Pada 29 Januari 2024M
17 Rejab 1445H

S/N 8RQvkBkYFEe9wSF8aX3n/w
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document v[illegible]G portal
CamScanner
CamScanner

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA**
**(BIDANG KUASA RAYUAN)**
**RAYUAN SIVIL NO.: W-01(IM)-456-07/2024**

**ANTARA**

**DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HJ ABD RAZAK**
**(NO. K/P: 530723-06-5165)** **...PERAYU**

**DAN**

**1. MENTERI DALAM NEGERI**
**2. KOMISIONER JENERAL PENJARA**
**3. PEGUAM NEGARA MALAYSIA**
**4. LEMBAGA PENGAMPUNAN BAGI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, LABUAN DAN PUTRAJAYA**
**5. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**
**6. KETUA PENGARAH BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG DI JABATAN PERDANA MENTERI**
**7. KERAJAAN MALAYSIA** **...RESPONDEN-RESPONDEN**

*[Dalam Mahkamah Tinggi Malaya Di Kuala Lumpur*
*Di Dalam Wilayah Persekutuan Malaysia*
*(Bahagian Rayuan & Kuasa-Kuasa Khas)*
*No Permohonan Untuk Semakan Kehakiman: WA-25-136-04/2024*

*Antara*

*Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj Abd Razak*
*(No. K/P: 530723-06-5165)* *...Pemohon*

*Dan*

*1. Menteri Dalam Negeri*
*2. Komisioner Jeneral Penjara*
*3. Peguam Negara Malaysia*
*4. Lembaga Pengampunan Bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan Dan Putrajaya*
*5. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi)*

S/N 8RQvkBkYFEe9wSF8aX3n/w
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document v... portal
CamScanner

6. *Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Di Jabatan Perdana Menteri*

7. *Kerajaan Malaysia* *...Responden-Responden*

*Yang diputuskan oleh Yang Arif Dato' Amarjeet Singh A/L Serjit Singh yang di Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur pada 3.07.2024]*

**SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT**

Saya dengan ini mengakui bahawa dokumen yang berikut adalah Ekshibit bertanda "MNN-2" yang dirujuk dalam Afidavit **MOHAMAD NIZAR BIN MOHD NAJIB (NO. K/P: 780511-14-5659)**, yang diikrarkan di hadapan saya pada 0 2 DEC 2024

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 761
HADINUR MOHD SYARIF
16.01.2022 - 31.12.2024
MALAYSIA

....................................
Pesuruhjaya Sumpah

CHAMBERS TWENTY - FIVE
NO 25, JALAN TUNKU, BUKIT TUNKU
50480 KUALA LUMPUR

S/N 8RQvkBkYFEe9wSF8aX3n/w
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document v... portal
CamScanner

YH DATO' HJ AHMAD KHIRRIZAL AB RAHMAN
PENGELOLA BIJAYA DIRAJA SULTAN PAHANG
PEJABAT KDPB SULTAN PAHANG
26600 PEKAN
PAHANG DARUL MAKMUR

S/N 8RQvkBkYFEe9wSF8aX3n/w
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document v[...] portal
CamScanner